

TARIKH	09 / 04 / 2014	SEKSYEN	LEMBAH KLANG
MUKA SURAT	19	RUANGAN	

## RM300,000 menanti wartawan bertuah

**PETALING JAYA** – Hadiah keseluruhan berjumlah RM300,000 untuk pemenang 13 kategori Hadiah Kewartawanan Malaysia 2013 (HKM 2013) bakal dibawa pulang pada Malam Wartawan Malaysia 2014 yang akan berlangsung 18 April ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Chamil Wariya berkata, 284 wartawan dari pelbagai pertubuhan media menyertainya dengan jumlah bahan dinilai sebanyak 552.

Menurutnya, penyertaan terbaik daripada 13 kate-

gori akan dinobatkan sebagai Penerima Anugerah Kaji dan bakal membawa pulang wang tunai RM30,000 serta pingat emas seberat 100 gram.

“Selain itu, pengiktirafan akan turut diberikan kepada wartawan yang telah berbakti kepada negara menerusi karya cemerlangnya menerusi anugerah Tokoh Wartawan Negara dan akan membawa pulang RM30,000.

“Bagi pemenang setiap kategori dipertandingkan, masing-masing bakal membawa pulang wang tunai bernilai RM15,000,” katanya pada

majlis ringkas penyerahan tajaan oleh pelbagai agensi untuk malam anugerah tersebut di sini, semalam.

Beliau berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan hadir pada malam tersebut bagi menyampaikan Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI-Petronas 2013.

“Hadiah wang tunai keseluruhan malam itu ditaja sepenuhnya oleh Petronas di mana penganjuran kali ini merupakan tahun ke-20 syarikat itu bekerjasama dengan MPI,” katanya.



Chamil (barisan kedua, lima dari kanan) bergambar bersama penaja bagi Anugerah Hadiah Kewartawanan MPI-Petronas 2013.

FOTO: ROSLI TALIB